



SIARAN MEDIA

JUALAN MERDEKA USAHAWAN KOMUNITI BANDAR 2023 DI BAWAH PROGRAM PEKB KPKT SEMARAK SEMANGAT MERDEKA DI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 23 Ogos 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah merasmikan Program Jualan Merdeka Usahawan Komuniti Bandar 2023 bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan ke-66 pada pagi ini.

Program Jualan Merdeka Usahawan Komuniti Bandar 2023 ini telah mengumpulkan usahawan yang telah dilahirkan daripada kejayaan pelaksanaan program di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) dan usahawan Kampung Baru Cina. Seramai 16 orang usahawan PEKB di bawah seliaan 14 buah Badan Bukan Kerajaan (NGO) bermula tahun 2021 turut serta dalam program jualan ini dengan pelbagai jenis perkhidmatan dan produk seperti kecantikan, urutan, jahitan, makanan dan lain-lain.

Program PEKB telah dilaksanakan oleh KPKT bermula tahun 2013 dan sehingga kini sejumlah 16,294 orang usahawan PEKB telah berjaya dilatih di bawah program ini. Ia merupakan salah satu program yang sangat efektif dalam membantu Kerajaan bagi membendung isu kemiskinan tegar di bandar.

Peserta Program PEKB akan diberikan latihan keusahawanan selama tujuh (7) hari bertujuan untuk meningkatkan kemahiran peserta supaya mampu mengusahakan perniagaan yang menghasilkan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup agar dapat keluar daripada kepompong kemiskinan.

Di samping itu, para peserta Program PEKB ini juga dibekalkan peralatan perniagaan setelah selesai menjalani kursus. Seterusnya, pihak NGO akan memantau aktiviti perniagaan peserta Program PEKB selama enam (6) bulan bagi memastikan para peserta dapat menjana pendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM600.00 sebulan.

YB KM berkata, “Program PEKB melalui kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) menunjukkan bahawa KPKT sentiasa komited dalam membantu dan merealisasikan hasrat kearah Kesejahteraan Rakyat.”

Program ini ternyata membuahkan hasil dan impak yang positif melalui pelbagai kisah kejayaan para peserta PEKB. Antaranya, terdapat peserta PEKB yang sebelum ini dihimpit kemiskinan kini telah mampu menjana pendapatan kasar sehingga RM10,000 sebulan. Kejayaan ini menjadikan beliau sebagai contoh (*role model*) kepada anak muda dan telah dilantik sebagai tenaga pengajar bagi kursus Pembaikan Rumah.

Bukan itu sahaja, para peserta PEKB yang telah keluar daripada garis kemiskinan negara dan berjaya mengubah kehidupan diri dan keluarga turut memberi sumbangan kepada masyarakat. Melalui Program Peluang Kedua Pejabat Parol Kota Setar sebagai contoh, usahawan PEKB telah memberikan peluang pekerjaan kepada banduan yang sedang menjalani parol.

Selaras dengan usaha Kerajaan MADANI untuk memastikan tiada siapa yang akan dipinggirkan, KPKT bersama-sama NGO optimis melaksanakan Program PEKB dengan lebih cemerlang pada masa hadapan agar lebih ramai usahawan komuniti bandar berjaya dilahirkan. Justeru, Program PEKB diharap dapat mengurangkan masalah kemiskinan bandar yang semakin meruncing seterusnya hasrat Kerajaan MADANI untuk menamatkan kemiskinan tegar berjaya dicapai.

Majlis turut dihadiri YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri KPKT; YBhg. Dato’ M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT dan barisan Pengurusan Tertinggi KPKT serta ketua jabatan dan agensi KPKT.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

